

MEMPERKASAKAN PELUANG KERJAYA ORANG KURANG UPAYA

Oleh: SYAR MEEZE MOHD RASHID

Kerjaya ialah tindakan yang berterusan atau kesinambungan berkaitan dengan pengalaman dan sikap yang berlaku dalam kehidupan individu. Selain itu, kerjaya juga merupakan persepsi individu, sikap dan tingkah laku yang berkaitan dengan aktiviti tindakan dan pengalaman dalam kehidupan. Dengan adanya kerjaya, seseorang itu dapat memenuhi keperluan psikologikal, ekonomikal dan sosiologikal untuk direalisasikan dengan bekerja hingga berjaya. Oleh itu, setiap individu seharusnya mempunyai kerjaya masing-masing. Malahan, sesuatu kerjaya yang diceburi adalah berdasarkan minat, pengalaman, persekitaran, pendidikan, dan sebagainya.





Pemilihan kerjaya yang tepat dan sesuai akan dapat menentukan corak kehidupan dan taraf hidup seseorang. Bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU), mereka juga tidak terlepas daripada mempunyai kerjaya untuk memenuhi keperluan dan kehendak hidup mereka. Namun begitu, peluang kerjaya mereka sering menjadi cabaran yang besar dalam kehidupan.

Masalah kekurangan peluang pekerjaan dalam kalangan golongan OKU bukanlah perkara yang baharu diperkatakan. Antara isu yang sentiasa menjadi cabaran dalam kerjaya golongan OKU, termasuklah kekangan kemudahan di tempat kerja, penerimaan majikan, dan rakan sekerja serta masyarakat terhadap pekerja OKU.

Pada masa yang sama, krisis ekonomi sesebuah negara boleh menyekat peluang kepada golongan OKU. Sebagai contohnya, krisis pandemik COVID-19 yang melanda dunia, mengurangkan lagi ruang dan peluang kepada golongan OKU untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Hak bekerja dianggap hak asasi manusia. Hak bekerja diiktiraf melalui Artikel 23(1) Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat. Akta ini menyatakan bahawa setiap individu berhak untuk membuat pilihan bebas

Kerajaan menyediakan garis panduan yang sesuai bagi memastikan perundangan dan tindakan yang dapat melindungi hak golongan OKU untuk bekerja.

terhadap pekerjaan yang adil dan menguntungkan serta memberikan perlindungan terhadap pengangguran.

Hal bekerja juga disokong dalam Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang turut menyatakan bahawa peluang pekerjaan perlulah diberi kepada semua individu tanpa mengira latar belakang, ketidakupayaan dan sebagainya. Bagi golongan OKU, peluang pekerjaan untuk mereka amat penting untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Perkara ini turut dinyatakan dalam *Convention on The Rights of Person with Disabilities* (CRPD) pada bulan Disember 2016. CRPD merumuskan bahawa hak bekerja untuk

golongan OKU perlu dihormati. Golongan OKU juga perlu mendapat layanan yang sama dengan orang lain. Antara layanan yang perlu diberi kepada golongan OKU ialah layanan kemudahan yang sama, kenaikan pangkat dan beban tugas yang sama dengan pekerja lain. Hal ini menunjukkan bahawa setiap negara perlu memberikan pengiktirafan kepada golongan OKU untuk bekerja sama seperti orang lain melalui pekerjaan yang dipilih oleh mereka berdasarkan keperluan pasaran buruh dan persekitaran kerja.

Kerajaan menyediakan garis panduan yang sesuai dalam memastikan perundangan dan tindakan yang dapat melindungi hak golongan OKU untuk bekerja. Sebagai contohnya, Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Namun begitu, kelebihan sebagai pekerja OKU tidak dinyatakan dalam akta ini.

Golongan OKU diberi keistimewaan melalui Akta OKU (2008) yang dinyatakan dalam Seksyen 29 (1) hingga Seksyen 29 (6), mencakupi aspek mendapatkan pekerjaan dan ketika bekerja. Kesemua seksyen ini menyentuh hak pekerjaan golongan OKU dari aspek perlindungan, tanggungjawab sosial majikan, layanan, kemudahan, program latihan, dan sebagainya.

Akta ini hanya sekadar menyatakan tanggungjawab majikan dalam menjaga hak pekerja OKU tanpa mempunyai kesan atau implikasi sekiranya akta ini dilanggar. Hal ini menunjukkan bahawa hak pekerja dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967, tetapi kedua-dua akta ini memberikan perlindungan yang sama rata kepada semua pekerja. Walau bagaimanapun, Akta OKU 2008 memperuntukkan hak berkaitan dengan pekerjaan secara terperinci yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan OKU.

Peranan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya turut dinyatakan dalam Akta OKU 2008 di bawah Seksyen 3 (1). Majlis Kebangsaan Bagi OKU dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada bulan Ogos 2008. Satu daripada fungsi majlis

*Program ini juga
menyebabkan banyak
OKU
di Malaysia yang
mendapat bantuan
kewangan untuk
memperkembang
perusahaan
perniagaan mereka.
Program ini juga
memberikan peluang
pekerjaan kepada
OKU yang lain.*

ini ialah megalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya golongan OKU dalam pasaran buruh.

Satu jawatankuasa pekerjaan ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Jawatankuasa ini memberikan tumpuan khusus kepada isu yang berkaitan dengan pekerjaan golongan OKU. Di samping itu, jawatankuasa ini menjalankan program seperti yang berikut:

1. Pendaftaran dan penempatan golongan OKU di sektor swasta.
2. Penempatan sebanyak 1% warga OKU dalam sektor awam.
3. Menjalankan promosi galakan penggajian golongan OKU.
4. Mewujudkan Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGP-OKU).
5. Program *Return to Work* daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).



Program ini juga menyebabkan banyak OKU di Malaysia yang mendapat bantuan kewangan untuk memperkembang perusahaan mereka. Program ini juga memberikan peluang pekerjaan kepada OKU yang lain. Usaha ini merupakan kejayaan Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang turut mendapat sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak.

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut menyediakan pelbagai jenis bantuan dan peluang kerjaya bagi golongan OKU. Antaranya termasuklah:

1. **Elaun pekerja OKU**

Elaun ini diberi dengan kadar RM450.00 sebulan, bertujuan menggalakkan OKU terus bekerja, mampu hidup berdikari dan menjadi masyarakat yang produktif.

2. **Geran Pelancaran**

Geran Pelancaran ini diberi dengan kadar maksimum RM2700.00 sekali gus. Tujuan penyediaan geran ini adalah untuk memperkasakan ekonomi kumpulan sasar JKM yang produktif, mempunyai minat, kemahiran, dan potensi menjanakan pendapatan untuk individu atau keluarga.

3. **Latihan Perantis**

Memberikan peluang kepada golongan OKU untuk mendapatkan latihan kemahiran dan latihan sambil bekerja.

4. **Keusahawanan Sosial**

Keusahawanan sosial ialah kaedah penyelesaian isu sosial terhadap kumpulan sasar menerusi elemen ekonomi yang menggabungkan inovasi

Rancangan Malaysia Ke-12 juga memperuntukkan usaha untuk memperkasakan golongan OKU, iaitu kerajaan akan memberikan lebih banyak peluang ekonomi melalui pelbagai platform, termasuklah ekonomi perkongsian dan ekonomi digital.

sosial dan kerja sosial. Program ini mempunyai satu projek yang dikenali sebagai "Projek ProWell" yang dapat membantu golongan OKU dalam Program Pemulihan Berasaskan Komuniti (PDK) yang memberikan kemudahan dan nasihat untuk menghasilkan dan mempromosikan sesuatu produk.


(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021)

Usaha yang dilakukan oleh kerajaan kita melalui Dasar 1% Peluang Kerja OKU adalah untuk memastikan golongan OKU memperoleh peluang pekerjaan di sektor awam. Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob menjelaskan bahawa Belanjawan 2022 akan menyediakan peluang untuk anak muda OKU dilantik menerusi skim MySTEP (Program Pekerjaan Jangka Pendek Malaysia) dengan menawarkan 80 000 peluang pekerjaan secara kontrak yang merangkumi 50 000 pekerjaan

dalam sektor awam dan 30 000 dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan mulai bulan Januari 2022. Selain itu, dasar ini akan menjadi petunjuk prestasi utama semua kementerian sebelum akhir tahun 2022.

Rancangan Malaysia Ke-12 juga memperuntukkan usaha untuk memperkasakan golongan OKU, iaitu kerajaan akan memberikan lebih banyak peluang ekonomi melalui pelbagai platform, termasuklah ekonomi perkongsian dan ekonomi digital. Perdana Menteri Malaysia menyatakan demikian semasa merasmikan Majlis Malam Kasih OKU Keluarga Malaysia bersempena dengan Hari OKU Sedunia Peringkat Kebangsaan pada 3 Disember 2021. Pengumuman tersebut menunjukkan bahawa kerajaan tidak pernah sesekali meminggirkan golongan OKU, malah sentiasa mengiktiraf peranan dan kepentingan mereka, terutamanya dalam agenda Keluarga Malaysia.

Kesimpulannya, hak kerjaya golongan OKU perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak. Golongan OKU mempunyai hak untuk menikmati kehidupan yang sama seperti golongan upaya. Sekiranya peluang ini diberi dengan sewajarnya, golongan OKU dapat menjalani dan menguruskan kehidupan mereka dengan lebih baik.

Penggubalan Akta OKU 2008 sebenarnya memberikan banyak peluang kepada golongan OKU menikmati hak kehidupan. Bukan itu sahaja, akta itu juga dapat membuka mata pelbagai pihak untuk mengikis andaian negatif terhadap keupayaan dan kebolehan yang dimiliki oleh golongan OKU. Diharapkan pada masa akan datang, Akta OKU 2008 dapat dimantapkan agar hak peluang kerjaya golongan OKU di Malaysia dipelihara dan dilindungi dengan lebih baik. 

Dr. Syar Meeze Mohd Rashid ialah Pensyarah Pendidikan Khas di Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.